

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERASMIAN LEBUHRAYA BARU LEMBAH KLANG

TEMPAT: PLAZA TOL JALAN DUTA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 11 JAN 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan PLUS yang telah menjemput saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan Lebuhraya Baru Lembah Klang.

2. Majlis ini adalah satu lagi peristiwa penting dalam perkembangan penswastaan lebuhraya di negara ini. Pembukaan bahagian Bukit Lanjan - Jalan Duta yang kita saksikan pagi ini menandakan siapnya Lebuhraya Baru Lembah Klang. Mulai hari ini, perhubungan di antara Ibu Kota Kuala Lumpur dengan Pelabuhan Klang dan Lapanganterbang Antarabangsa Subang yang dirancang semenjak tahun 1988 akan bertambah mudah dan cepat.

3. Pembukaan pagi ini mencerminkan sebahagian daripada hasrat Kerajaan untuk menyediakan rangkaian jalanraya yang baik kepada pengguna-pengguna jalanraya di negara ini. Projek Lebuhraya Utara - Selatan termasuk Lebuhraya Baru Lembah Klang yang telah diswastakan adalah tunggak ke arah memenuhi cita-cita tersebut. Projek Lebuhraya Utara-Selatan merupakan projek kerjaraya terbesar dalam sejarah negara kita dan manfaatnya kini sudah mula dirasakan oleh rakyat dalam persiapan untuk melangkah ke ambang abad ke-21.

4. Jalanraya memainkan peranan penting dalam pembangunan negara kita. Jalanraya bukan sahaja digunakan untuk membawa hasil mahsul ke bandar dan pelabuhan untuk dieksport tetapi turut membantu mengeratkan hubungan antara rakyat di negara ini. Dengan adanya jalanraya mereka boleh menjelajah kemana-mana sahaja dalam negara dengan mudah dan cepat.

5. Pada akhir tahun 1980an, Malaysia dapat berbangga kerana mempunyai rangkaian jalanraya yang lengkap. Sebelas buah negeri dan Wilayah Persekutuan saling berhubungan melalui empat laluan utama, iaitu Jalanraya Persekutuan 1, 2, 3 dan 4. Di Sabah dan Sarawak terdapat juga rangkaian jalanraya yang baik yang sedang dipertingkatkan lagi. Bagaimanapun, rangkaian jalanraya yang ada hari ini tidak mampu lagi menampung keperluan negara akibat pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pertambahan penduduk.

6. Jumlah penduduk negara kita telah meningkat daripada 13.7 juta orang dalam tahun 1980 kepada 18 juta dalam tahun

1990. Jumlah ini dijangka mencapai 22.7 juta menjelang tahun 2000. Kadar pertumbuhan ekonomi negara pula meningkat kira-kira lapan peratus setahun semenjak lewat tahun 1980an. Sekiranya segala pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RM6) berjalan lancar, kita yakin pertumbuhan sebanyak 7.6 peratus antara tahun 1990 dan 1995 yang diharapkan akan dicapai.

7. Adalah penting kita mengemblengkan usaha agar selari dengan tahap pertumbuhan pesat ekonomi negara. Rangkaian lebuh raya yang baik adalah faktor penting yang akan membantu menjadikan Malaysia sebuah pusat pelaburan dan pelancongan utama di rantau ini.

8. Hasil kajian yang dijalankan pada tahun 70an mendapati keseluruhan objektif negara ini boleh dicapai dengan adanya rangkaian jalan raya yang lebih cepat dan selamat.

9. Dalam perancangan negara, kita telah pun mempunyai wawasan. Mengadakan rangkaian lebuh raya menghubungkan negara ini dari utara ke selatan, bermula dari sempadan negara Thai hingga ke Singapura melalui Tambak Johor, adalah sebahagian daripada wawasan itu. Dalam proses mengadakan rangkaian lebuh raya ini kita juga akan mengeratkan lagi hubungan setiakawan di samping mewujudkan satu 'common market' yang lebih luas. Lebuh raya Utara - Selatan akan menjadikan wawasan tersebut satu kenyataan.

10. Berkat kerjasama dan persefahaman yang terjalin antara Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuh raya Malaysia dan PLUS serta kelancaran kerja pembinaan, PLUS telah pun mengumumkan bahawa Lebuh raya Utara - Selatan akan siap 14 bulan lebih awal daripada jadual iaitu pada bulan Mac, 1994. Apabila siap kelak rakyat Malaysia boleh menggunakan keseluruhan lebuh raya ini dari Bukit Kayu Hitam di Kedah hingga ke Singapura melalui Tambak Johor. Perjalanan hanya akan mengambil masa tidak lebih daripada lapan jam, iaitu hampir separuh daripada masa perjalanan melalui rangkaian jalan raya yang sedia ada.

11. Negara turut mendapat faedah daripada Lebuh raya Utara - Selatan. Kawasan yang dahulunya sukar dilalui kini telah berubah, bandar-bandar baru telah mula muncul, peluang pekerjaan terbuka luas dan taraf hidup masyarakat berhampiran juga kian meningkat.

12. Sejajar dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju, kita mesti mempunyai daya saing yang tinggi. Walaupun saingan daripada negara-negara jiran di rantau ini kian meningkat, kedudukan negara ini sebagai sebuah pusat pelaburan dan pelancongan utama mesti dikekalkan. Lebuh raya Utara - Selatan merupakan pelaburan penting demi pembangunan negara di masa depan.

13. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memperingati diri kita akan keperluan sistem jalan raya yang mengenakan bayaran tol. Sebelum kita mengadakan sistem ini pengguna

jalanraya hanya dikehendaki membayar cukai jalan dan cukai petrol. Jika kita ingin mengadakan sistem jalanraya yang lebih baik kita boleh juga membiayainya melalui kenaikan cukai jalan dan petrol. Tetapi cara ini bermakna pemilik kereta yang tidak menggunakan lebuhraya akan membiayai atau "subsidi" pengguna lebuhraya yang secara relatif hanya sedikit sahaja. Ini tidaklah adil kepada majoriti pemilik kenderaan. Dengan mengadakan sistem tol yang dibayar semasa pemilik kenderaan menggunakannya sahaja, maka beban pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya dipikul hanya oleh mereka yang menggunakannya sahaja. Ini adalah lebih adil.

14. Dalam pada itu saya ingin mengingatkan pengguna bahawa Kerajaan memberi subsidi kepada pembinaan lebuhraya ini untuk mengurangkan kos keatas pengguna. Pihak PLUS yang mengambilalih lebuhraya yang dibina sebelum penswastaan tidak dikenakan bayaran kos sepenuhnya. Jika kos sebenar lebuhraya yang diserahkan kepada PLUS dikenakan, maka tol yang lebih tinggi perlu dikenakan kepada pengguna untuk menjadikan sistem jalanraya ini "viable". Sebenarnya pengguna tidak membayar kos sepenuhnya penggunaan jalanraya. Sebahagian daripada bayaran ini dibebankan kepada Kerajaan.

15. Seperkara lagi ialah hakikat bahawa kos binaan dan penyelenggaraan jalanraya meningkat sepanjang masa. Dalam keadaan ini tidak dapat tidak bayaran tol akan dinaikkan dari semasa ke semasa. Namun sebenarnya tol di Malaysia adalah lebih rendah daripada kebanyakan negara lain. Ada negara yang mengenakan bayaran hingga satu ringgit bagi satu kilometer. Walaupun perjalanan melalui lebuhraya dikenakan bayaran, tetapi kerap kali pengguna boleh menggunakan jalan alternatif. Terpulanglah kepada pengguna untuk membandingkan antara belanja petrol dan kos kerosakan kereta serta masa dengan keselesaan daripada penggunaan jalan yang dikenakan tol. Di samping itu, cukai pendapatan oleh syarikat lebuhraya akan dipulangkan balik kepada masyarakat melalui lain-lain pembiayaan kemudahan rakyat yang diuruskan oleh Kerajaan.

16. Justeru itu, pengguna lebuhraya yang dikenakan tol harus sedar bahawa bayaran yang dibuat adalah untuk kebaikan mereka dan negara.

17. Dengan mengingati semua pihak akan hakikat ini, saya dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' dengan sukacitanya merasmikan Lebuhraya Baru Lembah Klang. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.